



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
K E P I M P I N A N
P E R D A N A

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	21 August 2015



NAJIB TUN RAZAK menerima cenderamata daripada Mohammed Hanif Omar sambil diperhatikan Pengerusi Institut Pengurusan Malaysia (MIM), Datuk Seri Mohamed Iqbal Rawther (kanan) dan Naib Pengerusi MIM, Datuk Ng Tieh Chuan (kiri) sempena Ceramah ke-26 Tunku Abdul Rahman di Kuala Lumpur, malam tadi. - BERNAMA

um - 21/8/2015
Malaysia maju kerana
kepemimpinan kuat - PM

KUALA LUMPUR 20 Ogos - Malaysia mampu melalui cabaran-cabaran awal, apatah lagi berkembang dan menikmati kemakmuran, bukan kerana peluang atau nasib, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata, Malaysia berjaya mengharungi semua cabaran kerana kepemimpinannya dan terdapat sifat-sifat kepemimpinan yang seseorang dengan mudah boleh mengenal pasti.

"Para pemimpin kita yang terdahulu memberi perhatian yang mendalam dan mengutamakan kepentingan negara dan khidmat mereka melangkaui tanggungjawab kepada negara. Keputusan mereka bersifat naluri dan atas semangat patriotik yang tulen dan semangat yang kukuh.

"Mereka sanggup membuat pengorbanan yang besar," katanya ketika menyampaikan ucapan bertajuk *Kepimpinan Dalam Masa Mencabar* pada Ceramah ke-26 Tunku Abdul Rahman anjuran Institut Pengurusan Malaysia (MIM) di sini malam ini.

Turut hadir ialah Presiden MIM, Tun Mohammed Hanif Omar.

Najib berkata, para pemimpin terdahulu juga cukup berani untuk mengambil tindakan tanpa mengira sama ada ia popular atau tidak.

Beliau berkata, mereka memberi tumpuan kepada apa yang perlu disejajarkan dan perlu.

Sebagai contoh, beliau menarik perhatian kepada ayahandanya, Tun Abdul Razak Hussein yang terkenal kerana 'ketegasan dan kurang bercakap'.

Apabila sesuatu perkara perlu diambil tindakan segera, memenangi hati orang menjadi keutamaan kedua kerana apa yang lebih penting ialah segera mengambil tindakan, kata beliau.

"Tunku Abdul Rahman memikul beban berunding dalam usaha untuk melahirkan sebuah Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka bangkit daripada cengkaman empayar dan ancaman penganas komunis.

"Cabaran utama Tunku ialah untuk membentuk sebuah negara baharu daripada masyarakat yang ketika itu kurang mempunyai semangat perpaduan atau identiti keseluruhan," kata Najib.

Perdana Menteri berkata, ayahandanya berganding bahu memimpin bersama Tunku Abdul Rahman, ketika masyarakat Malaysia menghadapi krisis yang mendalam, dilanda perpecahan etnik dan ketegangan yang membara.

Beliau berkata, Tun Razak bukan sahaja mampu mengelakkan perpecahan masyarakat tetapi beliau meletakkan Malaysia di laluan ke arah pembangunan sosioekonomi yang pesat dan meluas.

Beliau berkata, Tun Razak dan Timbalan Perdana Menteri, Tun Dr. Ismail Abdul Rahman meninggal dunia semasa menyandang jawatan dan mereka bekerja sehingga ke akhir hayat walaupun mengetahui tentang tahap penyakit yang dihidapi.

Mereka sanggup memikul tanggungjawab demi kesejahteraan semua rakyat Malaysia, kata beliau. - BERNAMA